



PERSATUAN GEREJA-GEREJA DI SARAWAK (ASSOCIATION OF CHURCHES IN SARAWAK)

Persatuan Gereja-gereja Di Sarawak (ACS)

Surat Pastoral bagi Pilihan Raya Negeri Ke-12 Sarawak 2021

Kepada Gereja-gereja, umat Kristian dan semua rakyat yang muhibah di Sarawak,

“Semoga rahmat Tuhan Yesus Kristus dan kasih Allah dan persekutuan Roh Kudus menyertai kamu sekalian.” (2 Kor. 13:14)

BERDOA UNTUK SARAWAK

Doa merupakan kewajipan kita sebagai umat Kristian di Sarawak dan Malaysia: “Pertama sekali, aku menasihatkan, naikkanlah permohonan, doa syafaat dan ucapan syukur untuk semua orang, untuk raja-raja dan untuk semua pembesar, agar kita dapat hidup tenang dan tenteram dalam segala kesolehan dan kehormatan.” (1 Timotius 2:1-2)

MENGUNDI SEBAGAI KEWAJIPAN YANG SUCI BAGI UMAT KRISTIAN

Dalam kerajaan demokratik, kebebasan untuk memilih para pemimpin menerusi pengundian adalah hak setiap warga. Untuk mengundi bermaksud untuk berdiri dan diambil kira. Allah telah mengamanahkan penjagaan ini (*stewardship*) kepada kita demi kebaikan bersama semua rakyat di Sarawak.

PEKA MENGENAI SIAPA YANG HARUS DIPILIH

Ini bukan bermaksud bahawa kita boleh membuang undi secara membabi-buta atau menurut populariti seseorang calon. Setiap Kristian harus berusaha untuk mendapatkan maklumat yang lebih baik mengenai visi seseorang calon dan parti-parti politik yang mengambil bahagian.

¶ Lukas 3:10-14 Yohanes Pembaptis berkhutbah menentang ketidakadilan, eksploitasi, rasuah dan ketamakan.

¶ Keluaran 18:16-22 Allah meminta Musa memilih pemimpin dengan kualiti-kualiti berikut untuk mengurus tadbir bangsa-Nya:

- Berupaya dan Kompeten (Cekap)
- Bertanggungjawab dan Telus
- Amanah dan Berintegriti
- Orang yang takut kepada Allah dan berusaha untuk melakukan perkara yang benar di hadapan Allah
- Mengambil berat tentang nasib orang miskin dan golongan yang memerlukan bantuan: “Hendaklah ia membahagikan dengan orang yang tidak punya, dan barang siapa mempunyai makanan, hendaklah ia berbuat demikian juga.” (Lukas 3:12)
- Tidak korup dan tidak menerima rasuah: “Jangan menagih lebih banyak daripada apa yang telah ditentukan bagimu.” (Lukas 3:13)
- Tidak mengambil kesempatan ke atas kedudukan untuk mengeksplorasi orang miskin & tidak dilindungi: “Jangan memeras wang daripada sesiapa dengan ugutan atau tuduhan palsu, cukuplah bagi dirimu dengan gajimu.” (Lukas 3:14)
- Tidak mendiskriminasi berdasarkan etnik, agama atau status sosial
- Menolak fahaman melampau dan kebencian agama
- Melindungi keharmonian serta memupuk sikap hormat-menghormati dan menerima satu sama lain

Carilah kualiti-kualiti di atas pada calon-calon kita. Setiap warga harus mengundi menurut hati nurani masing-masing di hadapan Allah. Sebagai Gereja di Sarawak, ACS TIDAK mengendos mana-mana calon mahupun mana-mana parti politik. ACS menyeru kepada anggota-anggota gereja untuk mencari dan memilih pemimpin yang akur kepada Allah dan memastikan keadaan terpelihara demi kebaikan semua rakyat berbilang kaum, agama dan kedudukan sosial di Sarawak.

Walaupun ia adalah penting bagi kita untuk menuntut kualiti-kualiti sedemikian daripada para pemimpin politik dan agama, marilah kita mengingatkan diri kita sendiri tentang pedang bermata dua ini. Umat Kristian diseru untuk berusaha mencapai kualiti-kualiti tersebut sebagai sebahagian daripada peranan kita selaku penjaga (*steward*) dan ketua dalam keluarga masing-masing, di tempat kerja, dan dalam posisi kepimpinan yang telah diamanahkan kepada kita. Semoga Allah memberkati Sarawak.

“Berdoa, Peka & Buang Undi Anda Menurut Hati Nurani Anda Di Hadapan Allah”

Dengan Pilihan Raya Negeri Ke-12 Sarawak 2021, kita ada peluang lagi untuk memilih para pemimpin kita secara demokratik di Sarawak. Sebagai sebuah organisasi keagamaan, ACS TIDAK mengendos mana-mana calon atau mana-mana parti politik. ACS menyeru kepada semua umat Kristian untuk melaksanakan '*stewardship*' atau penjagaan Kristian. **Ia adalah kewajipan moral dan hak kita sebagai warga negeri untuk mengundi dengan bijaksana & penuh tanggungjawab.** Kita akan meletakkan masa depan Sarawak ke dalam tangan lelaki dan wanita yang akan kita pilih untuk menyertai Kerajaan bagi penggal seterusnya.

1. Laksanakan '*stewardship*' atau penjagaan Kristian dan kewajipan moral kita untuk mengundi

Dengan membuang undi kita, kita mempertanggungjawabkan kerajaan kita dan calon-calon untuk mengotakan kata; menunaikan janji yang dibuat kepada rakyat; bekerja demi kebaikan bersama dan kesejahteraan semua; mempertahankan kebebasan beragama bagi berbagai kaum & agama; memastikan semua saling hormat-menghormati dan menerima satu sama lain; menjaga keharmonian & perpaduan dalam kepelbagaian di Sarawak.

2. Peka sebelum anda mengundi

Pertimbangkan Parti Politik dan integriti Setiap Calon berhubung pembangunan, hak warga untuk menikmati kebebasan agama, kebijakan dan keprihatinan terhadap rakyat, dan sebagainya.

3. Berdoa & Berpuasa

- (a) Secara peribadi: Panjatkanlah doa dengan berpuasa bermula SEKARANG dan hingga Hari Minggu selepas pemilihan.*
- (b) Sebagai jemaat: Berdoalah bersama saudara-saudari dan orang Kristian lain.*

4. Buang undi anda menurut hati nurani anda di hadapan Allah.

Semoga Roh Kudus memberikan kepada kita kebijaksanaan dan ketabahan yang kita perlukan untuk memilih mereka yang akan mewakili kita dalam kerajaan. Maka itu, kami menggesa kepada anda, berdirilah, tegakkan kebaikan bersama negara kita, pilih dengan bijaksana, dan semoga undi anda menjadi berkat bagi tanahair Sarawak - bumi perpaduan dan keharmonian di negara kita Malaysia.

*Uskup Agung Simon Poh (Pengerusi ACS & Gereja Katolik)
Uskup Sibu Joseph Hii & Uskup Miri Richard Ng (Gereja Katolik)
Uskup Datuk Danald Jute (Gereja Anglikan)
Uskup Lau Hui Ming (SCAC)
Uskup Bonnie Sedau (SIAC)
Pastor Agong Bina (BEM)
Pastor Edmund M. Liah (SDA)
Mejar Francis Ng (Salvation Army)*